

# FOOD BANK SISWA UMS RINGAN BEBAN PELAJAR

Program Food Bank Siswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilancarkan Mei lalu diperluaskan lagi dengan kolaborasi bersama syarikat 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn Bhd sebagai usaha dan sokongan dalam mengutamakan kebajikan pelajar UMS.

Naib Canselor UMS, Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, program Food Bank Siswa UMS adalah inisiatif yang tepat pada waktunya dan mampu memberi manfaat kepada seluruh pelajar UMS amnya serta pelajar B40 khususnya.

"Selain meringankan beban pelajar B40, program

Food Bank Siswa juga menyasarkan untuk membantu mana-mana pelajar UMS yang kurang berkemampuan.

"Kerjasama seperti ini akan sentiasa diberi keutamaan bagi memastikan UMS dilihat sebagai institusi pendidikan yang bukan sahaja melahirkan graduan berkualiti, tetapi juga menjadi institusi pendidikan yang peka terhadap kebajikan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kolaborasi UMS dan 99 Speed Mart (East Malaysia)



**DR TAUFIQ YAP** menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada pelajar.

bagi Food Bank Siswa UMS yang berlangsung di Anjung Siswa UMS, Kota Kinabalu, Sabah.

Kata beliau, inisiatif seperti ini melalui kerjasama dengan pelbagai pihak akan menjadi titik

permulaan bagi membantu pelajar mendepani peningkatan kos sara hidup dan membantu meringankan beban serta menangani isu ikat perut dalam kalangan pelajar.

Dr Taufiq Yap turut menegaskan Jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa bertungkus-lumus dalam menjaga kebajikan pelajar UMS dan memastikan apa juga keperluan dalam usaha itu dapat disempurnakan.

"Pihak UMS sentiasa membuka ruang untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin menyumbang kepada usaha murni ini supaya dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup pelajar kita."

"Sekali gus usaha ini melonjakkan lagi semangat mereka untuk sentiasa cemerlang dalam akademik," katanya.

Pada majlis itu, Dr Taufiq Yap bersama-sama Pengurus Besar 99 Speed Mart (East Malaysia), Lim Kok Wei menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada 21 pelajar B40 daripada program Asasi Sains serta menyampaikan kad Food Bank Siswa kepada wakil pelajar.

Hadir sama, mantan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Dr Ismail Ali; Bendahari UMS, Zallifah Shadan; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Kamisah Husin dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS, Muhd Jivean Johan Wira.

HARI : ISNIN  
TARIKH : 2/9/2019  
M/SURAT : 45(BESTARI)